

07 MAY 1996

Mahathir - MAS

MAS HARUS MULA BINA BAHAGIAN DALAMAN PESAWAT

KUALA LUMPUR, 7 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata syarikat Penerbangan Malaysia sepatutnya mula membina sendiri bahagian dalaman pesawatnya di dalam negara -- langkah yang boleh membantu mengurangkan defisit imbalan bayaran negara.

MAS Aerotechnologies, anak syarikat yang baru ditubuhkan, boleh melakukannya dengan mengimport pesawat kosong dan kemudian membina bahagian dalaman secara tempatan, katanya.

"MAS telah memperolehi kejayaan yang memuaskan setakat ini, dan jika MAS menyertai sebahagian pembinaan pesawat, langkah itu akan banyak membantu mengurangkan defisit bayaran imbalan negara," katanya ketika melancarkan MAS Aerotechnologies di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang.

Katanya amat penting Malaysia belajar melakukan sesuatu dalam negara bagi menjimat kos import. Bagaimanapun, mutu sesuatu kerja itu tidak boleh dikompromi dalam usaha menjaga kos.

Dr Mahathir berkata sesuatu perubahan adalah wajar dilakukan bagi mencapai kemakmuran, dan dalam perkara ini MAS menerima hakikat perlu dibuat perubahan.

"MAS kini semakin besar. Seperti seseorang yang bertambah gemuk, amat sukar baginya untuk bergerak.

"Pilihan yang ada ialah untuk menghapuskan lemak atau menggunakannya untuk tujuan lain. MAS mengakui perlunya menggunakan sumber tambahan itu dan membentuk anak syarikat baru seperti MAS Aerotechnologies.

Semasa ditemui pemberita selepas pelancaran itu, Perdana Menteri berkata langkah lain yang dapat mengurangkan defisit perdagangan ialah mengeluarkan sendiri alat ganti elektronik untuk kapal terbang.

Beliau berkata Boeing boleh diminta mengeluarkan barang ganti pesawat di sini.

MAS Aerotechnologies bermula sebagai Bahagian Kejuruteraan MAS. Perkhidmatan penyelenggaraannya diiktiraf antara yang terbaik dan telah memenangi banyak anugerah kualiti di peringkat antarabangsa.

MAS Aerotechnologies yang terkenal kerana pengalaman luasnya dalam menyelenggara pesawat B737 kini menyediakan perkhidmatan untuk kapal terbang dari India, China dan Indonesia, selain menyelenggara pesawat B747, MD11 dan DC10 antara lain milik Continental Airlines, World Airways, Air France dan Jet Airways. -- BERNAMA

NI AHH